

# Pelancaran pertama Julai 1997 **Malaysia buat satelit**

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia akan membuat dan melancarkan dua satelit mikro sebelum akhir dekad ini, dengan pelancaran pertama dijadualkan menjelang Julai 1997, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, program mikro satelit itu akan membantu Malaysia mengorak langkah setapak lagi membuktikan keupayaannya dalam mereka bentuk, membina dan melancarkan pesawat angkasanya sendiri.

Menurutnya, kontrak Measat-I dan Measat-II yang ditandatangani Mei lalu telah membuka laluan kepada Malaysia mengambil bahagian dalam teknologi angkasa dan telekomunikasi.

"Sistem Measat bersama penyelidikan angkasa dan pendidikan adalah penting kerana ia rangkaian bersepadu bagi menyokong pembangunan keseluruhan prasarana teknologi yang cekap di Malaysia.

"Pelancaran Measat-I pada 20 Disember 1995 akan diikuti pula oleh Measat-II pada Julai 1996. Dua lagi satelit yang dibina mengikut Program Mikro Satelit akan juga berada di orbit sebelum penghujung dekad ini.

"Pelancaran empat satelit ini akan meletakkan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang mampu memiliki dan mengendalikan satelit mengikut keperluan tempatan," katanya melancarkan Program Mikro Satelit Malaysia di Teater Angkasa, Planetarium Negara, di sini hari ini.

Program Mikro Satelit itu adalah projek usaha sama Malaysia Space and Telecommunications Research Consortium (Maxstar) iaitu gabungan konsortium membabitkan agensi kerajaan, swasta, industri dan universiti tempatan.

Maxstar dianggotai oleh Binariang Sdn Bhd; Telekom Malaysia Berhad; Bahagian Kajian Sains Angkasa (Baksa); Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (Mimos); Universiti Sains Malaysia (USM); Universiti Malaya (UM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Pertanian Malaysia (UPM).

Hadir sama ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S. Samy

# Malaysia mampu lancar satelit sendiri

## DARI MUKA 1

Vellu; Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha dan Ketua Pengarah Planeterium Negara, Dr Mazlan Othman.

Dr Mahathir berkata, Sistem Satelit Measat dan Program Mikro Satelit yang akan dilancarkan sebelum akhir dekad ini akan membantu keupayaan negara memajukan kepesatan teknologi di bidang angkasa dan telekomunikasi.

“Adalah diharapkan Malaysia akan menjadi salah sebuah negara di rantau ini yang mampu melancarkan pesawat angkasa buatan sendiri,” katanya.

Dr Mahathir turut menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU), di antara Maxstar, diwakili oleh Pengarah Binarang, Tengku Datuk Seri Mahmud Tunku Besar Burhanuddin dan Pertubuhan Penyelidikan Angkasa India (Isro), diwakili Pengerusinya, Dr K Kasturirangan, bagi membantu memajukan teknologi angkasa di Malaysia.

MOU kedua ditandatangani di antara Binarang dan Arianespace, yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Charles Bigot bagi membolehkan pelancaran satelit mikro pertama Malaysia menjelang Julai 1997.

MOU ketiga pula ditandatangani di antara Binarang dan USM, yang diwakili oleh Naib Canselornya, Tan Sri Musa Mohamad.